



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
جامعة إنسانية
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
DI MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM KERJASAMA
KOLEJ UNIVERSITI (KUIN) - PERSATUAN MADRASAH TAHFIZ
AL-QURAN MALAYSIA (PERMATA)**

**PADA : 02 JUN 2016
TEMPAT : DEWAN KULLIYAH AL-QURAN**

TEKS UCAPAN

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
PROGRAM KERJASAMA KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN) -
PERSATUAN MADRASAH TAHFIZ AL-QURAN MALAYSIA (PERMATA)
2 JUN 2016 BERSAMAAN 26 SYAABAN 1437H | DEWAN KULLIYYAH AL-QURAN**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.

**ALHAMDULILLAH RABBIL 'ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU 'ALA RASULILLAH
WA SOHBIHI AJMAI'IN.**

ASSALAMUALAIKUM W.B.T,

YBhg. Prof. Madya Dr. Sharifah Azizah Binti Syed Sahil, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Penyelidikan, Kolej Universiti INSANIAH

YBhg. Tuan Haji Abdullah bin Hashim, Pendaftar Kolej Universiti INSANIAH

YBhg. Encik Mohd Zamri Bin Shahdan, Bendahari Kolej Universiti INSANIAH
dan

YBhg. Ustaz Manolito bin Mohd Dahlan, Pengerusi PERMATA AL-QURAN,
Ahli-ahli Jawatankuasa Program Jangka pendek KUIN - PERMATA Al-Quran Sesi 2016
Peserta-peserta program kerjasama KUIN - PERMATA Al-Quran Sesi 2016,
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

Alhamdulillah syukur kehadiran Allah Taala dengan segala kurnianya menjanjikan segala nikmat yang tidak terkira kepada kita, jika ingin mengira setiap nikmat kurniaan Allah maka tidak terhitung banyaknya walaupun seluruh akar kayu dijadikan mata pena dan juga seluruh lautan dijadikan dakwat bagi menulis apa yang dikatakan milik Allah, tidak akan habis perhitungan itu.

Nikmat yang terbesar yang diberikan kepada umat islam melalui perantaraan Jibril dan disampaikan kepada junjungan kita Muhammad S.W.A ialah Al-Quran. Nabi yang dilahirkan sebagai ummiy tidak pandai membaca dan menulis menerima Al-Quran dengan cara mendengar dan menghafalnya. Seterusnya tradisi ini diteruskan kepada

para sahabat, tabian dan sehinggalah pembangunan peningkatan sistem penghafalan Al-Quran sampai kepada kita dan diteruskan dari generasi ke generasi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kita boleh berbangga dengan pertumbuhan pusat-pusat tahfiz al-Quran diserata negeri dan tidak ketinggalan Kolej Universti Insaniah juga menawarkan Program Tahfiz Al-Quran wa Al-Qiraat bermula dari pengajian diploma sehinggalah ke peringkat pengajian Master yang mempunyai dua cabang iaitu pengajian dan pengajaran Al-Quran.

Saya berasa teruja dan mengalu-ngalukan kerjasama yang dibina diantara KUIN dan juga Permata dalam membangunkan generasi Al-Quran kita pada masa ini. Saya melihat usaha yang ditunjukkan oleh Permata dalam memartabatkan Islam melalui pembangunan Al-Quran perlu disahut dan disambut dengan baik bagi memberikan impak yang maksima kepada bakal generasi pewaris ambiya.

Saya dimaklumkan bahawa, antara program-program yang telah dijalankan adalah Program Talaqi Al-Quran, Bengkel Tatacara Penyediaan Akaun, Program Interaktif Teknologi & Multimedia serta Program Motivasi dan Kerjaya telah berlangsung bermula sejak 30 Mei 2016 sehingga hari ini. Dalam setiap program yang telah dijalankan ini juga terdapat pelbagai pengisian slot-slot seperti Teori Tajwid Al-Quran, Amali Tajwid Al-Quran serta pengenalan kepada ilmu al-Qiraat. Saya melihat program dan slot seumpama ini akan memberikan impak yang tinggi terutamanya kepada para pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran dalam membentuk keperibadian dan cintakan Al-Quran sekaligus membudayakan pembacaan Al-Quran.

Justeru, kerjasama antara KUIN dan Permata Al-Quran 2016 bagi Program Jejak Menara Gading dan Program Penyediaan Akaun Tahunan diharapkan dapat membantu tenaga pengajar dan para pelajar huffaz mempertingkatkan *skill* dan kemahiran demi mencapai cita-cita yang diinginkan. KUIN sedia menawarkan kepakaran yang ada disini bagi membantu demi perkembangan pengajian Islam di bumi Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

KUIN sendiri telah menggabungkan kepakaran dalam semua bidang seperti Kulliyah Al-Quran dan Sunnah, Kulliyah Muamalat, Pusat Pengajian Siswazah, Kulliyah Teknologi Maklumat & Multimedia Kreatif, Pusat Pengajian Dan Perkhidmatan

Kaunseling & Psikologi dan Pusat Komunikasi Korporat dan Hubungan Antarabangsa bagi membantu Permata Al-Quran dalam mencapai misi dan visi yang diharapkan.

Saya mengharapkan kerjasama yang berterusan antara KUIN dan Permata dimasa hadapan untuk program yang akan dijalankan iaitu Program *Fast-Track*. Program yang akan membantu anak generasi kita maju ke hadapan dalam mendalami bukan sahaja ilmu ukhrawi yang dipelajari sekarang juga bagi melahirkan huffaz yang intelek dari pelbagai cabang ilmu pengetahuan.

Kita perlu berusaha melahirkan ramai korporat, arkitek, doktor, ahli ekonomi, ahli perniagaan, saintis, angkasawan dan lain-lain bidang profesional yang berteraskan Islam. Mereka bukan sahaja mampu mentadbir atau mengurus tetapi mampu juga menterjemahkan akhlak dan konsep Islamisasi dalam aktiviti pengurusan yang dijalankan. Merekalah contoh tauladan yang sepatutnya ditunjukkan bilamana ketika ini terpampang didada-dada akhbar salah laku dan penyelewengan yang dilakukan. Semua ini saya yakin adalah berpunca dari penerapan nilai Islam yang amat lemah di dalam diri setiap individu tersebut serta tidak menghayati intipati Al-Quran.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dan untuk akhirnya, saya mengharapkan sekali lagi jalinan hubungan antara KUIN dan Permata ini dapat diteruskan dan dinilai oleh Allah dengan nilai yang tertinggi bersempena juga dengan menjelang Ramadan yang bakal tiba tidak lama lagi. Saya mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan *كل عام وانتم بخير* dan saya dengan ini merasmikan penutupan Program Jejak Menara Gading dan Bengkel Tatacara Penyediaan Penyata Akaun Tahunan kerjasama KUIN dan Persatuan Madrasas Tahfiz Al-Quran Malaysia atau Permata dengan lafaz *بسم الله الرحمن الرحيم*.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Pejabat Rektor
Mei 2016**